

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

PLG 422 - Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Masa: [3 jam]

Arahan: Jawab mana-mana **TIGA** soalan. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. [a] Adalah dikatakan bahawa jenis-jenis ingatan analog dan analistik adalah saling berinteraksi. Terangkan secara ringkas perbezaan di antara kedua-dua jenis ingatan ini.
[b] Bagaimana kita boleh membuktikan bahawa bahagian otak yang digunakan untuk menanggap adalah juga digunakan untuk mencipta imejeri.
[c] Terangkan secara ringkas implikasi [a] dan [b] terhadap pengajaran di sekolah rendah.

2. Jenis kelupaan yang ketara ialah kegagalan untuk mengundur maklumat.
[a] Terangkan apa yang dimaksudkan dengan pernyataan di atas.
[b] Dengan merujuk kepada Von Restorff Effect, Zeigarnik Effect dan prinsip-prinsip Gestalt, terangkan bagaimana masalah kelupaan jenis tersebut di atas boleh diatasi.
[c] Apakah langkah-langkah pengajaran yang penting dijalankan supaya kelupaan jenis ini tidak berlaku.

3. Agamic Psychology mempentingkan metodologi "sains Hermeneutik".
- [a] Terangkan konsep ini dengan merujuk kepada konsep TEXT, METATEXT dan sebagainya.
 - [b] Ujian BAUM dikatakan suatu jenis ujian ACCESS. Terangkan secara ringkas apa yang dimaksudkan dengan merujuk kepada penggunaan ujian BAUM dalam bidang psikologi kognitif.
 - [c] Apakah konsep pembelajaran baru yang diperkenalkan dalam bidang Agamic Psikologi?
4. [a] Apakah perbezaan dan persamaan di antara "attending" dan "monitoring"?
- [b] Huraikan secara ringkas eksperimen-eksperimen yang membuktikan perbezaan di antara kedua-dua jenis proses di atas.
 - [c] Bagaimana kita boleh menggunakan konsep-konsep tersebut di atas untuk memahami perbezaan di antara kanak-kanak cerdas dan lemah.
5. [a] Terangkan model ingatan yang terdapat melalui kajian mengenai Recency Effect.
- [b] Model di atas adalah dikatakan tidak sempurna dari segi penemuan-penemuan baru yang diperolehi dengan menggunakan Ujian BAUM. Terangkan model ingatan baru ini dan penemuan-penemuan yang menjadi dasar kepada model tersebut.
 - [c] Apakah kepentingan konsep Arkitaip yang diperkenalkan oleh C.G. Jung dalam memahami proses-proses kognitif.

--- ooooo000oooo ---